# BULETIN EKSA

Kami Sedia Membantu
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SISIH • SUSUN • SAPU • SERAGAM • SENTIASA AMAL
EKSA
Ekosistem Kondusif Sektor Awam

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA










# 2023











# MAJLIS PELANCARAN GOTONG-ROYONG MEGA EKSA

Majlis Pelancaran Gotong-Royong Mega Eksa telah diadakan pada 25 Ogos 2023 yang bertempat di *Foyer* Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (WPKL&P). Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Nor'Aishah binti Abu Bakar.















# GOTONG-ROYONG MEGA EKSA














# SUDUT GO GREEN EKSA

Bahagian Pengurusan telah menganjurkan Pertandingan Sudut *Go Green* EKSA pada 22 Ogos 2023 yang lepas. Sebanyak 6 Bahagian telah menyertai pertandingan ini. Antaranya ialah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kesihatan Awam, Perubatan, Pengurusan, Farmasi dan Pergigian. Pemenang Pertandingan ini telah dimenangi oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) yang turut menerima hadiah berupa Plak *Go Green* EKSA.









# JOM UJI MINDA ANDA

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) telah menganjurkan Pertandingan Jom Uji Minda yang telah diadakan pada 11-14 Disember 2023 secara atas talian (*Google Form)*. Seramai 93 orang peserta telah menyertai kuiz ini dan 12 orang telah berjaya mendapat markah penuh. Pemilihan pemenang seramai 10 orang adalah berdasarkan Slogan EKSA terbaik.



# "PERSEKITARAN KONDUSIF, WARGA POSITIF, PERKHIDMATAN PRODUKTIF"



Jawatankuasa Promosi Bahagian Kesihatan Awam telah menganjurkan pertandingan Mereka Cipta E-Poster EKSA yang berlangsung sepanjang bulan Mac 2023. Penyertaan adalah terbuka kepada warga kerja di JKWPKL&P yang bertemakan “ Persekitaran Kondusif, Warga Positif, Perkhidmatan Produktif ”. Secara keseluruhan, sebanyak 18 penyertaan dari setiap bahagian telah menghantar penyertaan mereka.

SENARAI PEMENANG

1




**Daniel Liew Ching Yien (Bahagian Farmasi)**

2




**Nur Syafiqah binti Ahmad Syukri (Unit NCD, Bahagian Kesihatan Awam)**

**Syaffina Desi Apon (Unit Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan)**

3



# PENYERTAAN PERTANDINGAN E-POSTER EKSA

































# PENYERTAAN PERTANDINGAN E-POSTER EKSA




























**Kakitangan Bahagian Perubatan ditugaskan untuk membersihkan kawasan tempat letak kereta pada 25 Ogos 2023 di Majlis Gotong-Royong Mega EKSA.**

# GOTONG-ROYONG EKSA PERUBATAN






Aktiviti gotong-royong ini diadakan pada 13 September 2023 untuk memastikan ruang kerja tersusun, kabinet berlabel dan sebagainya. Pembahagian tugas mengikut tempat dan pegawai yang dilantik.

# DEKLAMASI PANTUN



POHON KUINI TUMBUHNYA RIMBUN
BERCANDA MERBAH MILIK KAKANDA
DI PAGI INI SAYA BERPANTUN
DARI PERUBATAN KEPADA ANDA.

SARUNG KETUPAT BERISI INTI
DIBAWA BUDAK SAMBIL BERLARI
KEHADIRAN SEMUA SAYA HARGAI
SEMOGA MAJLIS BERTAMBAH SERI.

APALAH GUNA BERKAIN BATIK
JIKALAU TIDAK MEMAKAI CAPAL
MASUK PEJABAT SUIS DIPETIK
PASTIKAN TUTUP SEBELUM TINGGAL.

SONGKET ADINDA BERMOTIF MELATI
BENANG BERKILAT INDAH BERTEKAT
GAGASAN EKSA JULANG PERIBADI
IMEJ KORPORAT KONDUSIF DIANGKAT.



BAJU KEBAYA KAIN BERCORAK
POTONGAN DUYUNG ASAL MAKASSAR
JANGAN BIARKAN PEJABAT SELERAK
MARILAH KITA AMALKAN EKSA.

RAMAI ORANG MEMBELI REMPAH
REMPAH DIAMBIL DARI KEMBOJA
MASUKKAN SISA KE DALAM TONG SAMPAH
PEJABAT YANG BERSIH SELESA BEKERJA.

BUNGA SEROJA DI ATAS PARA
JATUH DITIMPA BUAH BERANGAN
KALAU TERSILAP TUTUR BICARA
JARI DISUSUN MAAF DIPOHON
GAGASAN EKSA JULANG PERIBADI
IMEJ KORPORAT KONDUSIF DIANGKAT.

**Pantun yang telah dikarang dan disampaikan oleh Cik Nur Amira Imani bt Rosman dari Bahagian Perubatan**

Pengauditan kendiri EKSA Zon Farmasi telah dijalankan pada 4 Julai 2022, 12 & 14 Julai 2023 berdasarkan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JKWP KL&Putrajaya Versi 1/2017 dengan menggunakan kriteria senarai semak Pengauditan EKSA terkini yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU.














Taklimat EKSA telah diadakan pada 1 Julai 2023 dan 4 Julai 2023 kepada semua anggota Bahagian Perkhidmatan Farmasi oleh fasilitator EKSA Encik Daniel Liew Ching Yein.



















# HEBAHAN POSTER EKSA 2023















# BAHAGIAN PERGIGIAN

## Kursus Auditor EKSA BKP 2023





Kursus bagi pemantapan kaedah pengauditan EKSA telah diadakan pada 26 Jun 2023 di Bilik Seminar KK Kuala Lumpur kepada 26 orang juruaudit EKSA peringkat Bahagian Kesihatan Pergigian. Peserta diberi taklimat dan sesi *mock* audit termasuk cara pengauditan dan penulisan laporan audit EKSA berdasarkan kriteria EKSA MAMPU.

## Taklimat Pengenalan EKSA kepada Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak (NDO) semasa Kursus Modul Teknikal Pergigian



Taklimat Pengenalan EKSA telah diadakan pada 2 Mac 2023 di Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras kepada seramai 58 orang Pegawai Pergigian Lantikan baru sebagai pendedahan awal amalan EKSA di kalangan penjawat awam bagi menggalakkan penglibatan anggota di peringkat klinik dalam menjayakan amalan EKSA.

## Pengiktirafan Amalan Terbaik EKSA Zon Pergigian






Penyampaian sijil penghargaan kepada pemenang kategori Amalan Terbaik semasa audit DIY EKSA pada 14 Julai 2023 oleh TPKN (G) Dr. Cheng Lai Choo. Pengiktirafan diberikan sebagai galakan kepada anggota dalam penglibatan melaksanakan dan menjayakan amalan EKSA di Pejabat TPKN (G).








## Gotong Royong Sempena Audit DIY dan Audit Silang 2023

Gotong royong persediaan audit EKSA terutama di kawasan guna sama di Blok C JKWPKL&P. Antara aktiviti adalah mengemaskini semula carta pergerakan, sudut kitar semula dan pantri.





## Lawatan Penanda Aras EKSA dari Jabatan Kesihatan Negeri Melaka ke JKWPKL&P

Lawatan Penanda Aras EKSA dari JKN MELAKA telah diadakan pada 3 Oktober 2023. Zon Pergigian telah dipilih bagi lawatan penanda aras dari JKN Melaka.



# PEMBERIAN RISALAH 'SIMPLIFIED EKSA' DAN HEBAHAN MELALUI POSTMASTER JKWPKL&P



5/9/23, 10:50 AM

MyGovUC2.0 Mail - [HEBAHAN] : EKSA

MyGovUC

DR. AASHVINI A/P PRAKASH RAO (MOH-WPKL&WPPUTRAJAYA) <dr.aashvini@moh.gov.my>

**[HEBAHAN] : EKSA**

1 message

POSTMASTER JKWPKL&P (MOH-WPKL&WPPUTRAJAYA) <postmasterkl@moh.gov.my> — 7 February 2023 at 14:35

Bcc: moh-wpkl@moh.gov.my

HEBAHAN EKSA

Sering keliru Bagaimana untuk menyusun tempat kerja anda mengikut amalan EKSA?

JK Induk Promosi EKSA telah menyediakan satu risalah 'Simplified' EKSA untuk kegunaan semua warga JKWPKL&P

Risalah ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menyusun tempat kerja kita mengikut amalan EKSA.

Jom kita EKSA!

-Jawatankuasa Induk Promosi EKSA-

#akhatmilikku
#promosiEKSAJKWPKLP
#JomEKSA

***Ini adalah e-mel yang dijana secara automatik, Mohon tidak dibalas ***

Terima Kasih

Postmaster JKWPKL&P












# HEBAHAN EKSA JKWPKL&P SEPANJANG TAHUN 2023












# PENGHARGAAN BULETIN EKSA 2023

**SEMUA AHLI JAWATANKUASA BULETIN EKSA 2023 MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK DALAM PENGHASILAN BULETIN INI.**

**DISEDIAKAN OLEH BAHAGIAN PERGIGIAN JKWPKL&P**

**AJK BULETIN EKSA 2023**

**DR. DORYALISA BINTI ZAKARIA**
**DR. SYAKIRAH BINTI SAHAR**
**PUAN RUZANA BINTI RUSLI**